

AKTA KUARANTIN TUMBUHAN 1976
(AKTA 167)

PERATURAN-PERATURAN KUARANTIN TUMBUHAN 1981

Akta 167

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 23 Akta Kuarantin Tumbuhan 1976, Menteri membuat peraturan yang berikut :

Nama 1. (1) Peraturan-peraturan ini boleh dinamakan Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 31hb. Mac, 1981.

(2) Tiada apa juar dalam Peraturan-peraturan ini boleh terpakai kepada pergerakan organisme berfaedah, pembawa, media tumbuhan, barang bukan tumbuhan, makhluk perosak, tumbuh-tumbuhan, kompos akar dah fainh diantara Sabah dan Wilayah Persekutuan aguan¹ (dimansuh kemudian)⁴

Tafsiran 2. Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain :

"Kawasan Asia Tenggara dan Kawasan Pasifik" ertinya kawasan yang terdiri daripada semua wilayah dalam Asia Tenggara ke timur dari sempadan barat Pakistan dan ke selatan Himalaya, sempadan selatan China dan ke barat dari pantai Vietnam bersama dengan semua wilayah dalam laut Pasifik, Laut China Selatan dan Laut Hindi yang terletak keseluruhannya atau sebahagiannya dalam kawasan yang dilingkungi oleh garisbujur 100° Timur, garislintang 45° Selatan, garisbujur 130° Barat, garislintang 38° Utara, ke tempat silangan dengan pantai timur Vietnam dan garislintang 15° Utara termasuk Hong Kong ;

"Kawasan Koko Afrika" ertinya mana Wilayah Afrika yang mana sesuatu penyakit koko atau Mirid (Capsid) kepinding yang menyerang koko diketahui, atau dipercayai, berlaku ;

"kawasan tropika Amerika" ertinya bahagian-bahagian benua Amerika, termasuk pulau-pulau persekitaran, yang dilingkungi oleh Garisan Jadi (garislintang $23\frac{1}{2}^{\circ}$ S) dan Garisan Sartan (garislintang $23\frac{1}{2}^{\circ}$ U) dan oleh garisbujur 30° B dan 120° B dan termasuk juga sebahagian Mexico yang terletak di utara Garisan Sartan :

*"merinyu kuarantin tumbuhan" ertinya pegawai pengimport Perkhidmatan Pertanian*¹

"pegawai pengimport" ertinya seseorang pegawai perkhidmatan kastam, pertanian atau pos yang bertugas di suatu tempat pemeriksaan masuk yang ditetapkan dan tempat-tempat masuk yang ditakrifkan dibawah Akta Kastam 1967.

Akta 235

*"pembawa" ertinya dan termasuk apa-apa jenis kenderaan, vessel, pesawat udara atau kontena dalam mana organisma berfaedah, media tumbuhan, barang bukan-tumbuhan, makhluk perosak, tumbuh-tumbuhan, kompos akar dan tanih boleh dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain;*¹

"perakuan fitosanitary" ertinya perakuan yang dibentangkan dalam Jadual Kedua yang dikeluarkan oleh seorang pegawai pemeriksa yang memperakui bahawa sebelum dihantar, telah membuat pemeriksaan secukupnya ke atas tumbuh-tumbuhan yang berhubung dengan penyataan itu, atau suatu contoh representatif dan mendapati tumbuh-tumbuhan atau contoh itu bebas daripada apa-apa makhluk perosak atau penyakit,

"tanah" ertinya apa-apa bahagian bumi atau bahan organan dan bahan mineral semula jadi lain yang mana tumbuh-tumbuhan boleh hidup ;

"tempat pemeriksaan masuk yang ditetapkan" ertinya tempat pemeriksaan kastam yang dinyatakan dalam Jadual Kelima ;

"transit tak terus" ertinya sesuatu konsaimen yang diambil atau dihantar daripada mana-mana negara dan dibawa masuk ke kawasan komponen hanya bagi maksud dibawa ke negara lain

melalui pengangkutan yang sama atau pengangkutan lain, selepas mendapat kelulusan kastam masuk ke kawasan komponen ;

"transit terus" ertinya konsaimen yang diambil dari atau dihantar daripada mana-mana negara dan dibawa masuk ke dalam kawasan komponen hanya semata-mata bagi maksud dibawa ke satu negara lain mengikut cara pengangkutan yang sama atau yang lain tanpa mendapat kelulusan kastam ;

"tumbuh-tumbuhan berjadual" ertinya tumbuh-tumbuhan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Pengimportan tanah dilarang

3. Pengimportan tanah ke suatu kawasan komponen sama ada tanah sahaja atau tanah terletak kepada akar-akar atau bahagian lain tumbuh-tumbuhan, adalah dilarang, *kecuali jika tanah itu diimport bagi maksud penganalisaan atau penyelidikan di bawah permit sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Keenam.*¹

Peraturan-peraturan ini tidak terpakai

4. (1) Tiada apa-apa peruntukan dalam Peraturan-peraturan ini dipakai bagi :

- (a) sesuatu tumbuhan yang diimport untuk *dimakan,¹ ubat, pemprosesan atau bagi maksud pengilangan* ; atau
- (b) sesuatu tumbuh-tumbuhan yang diproses
- (c) *sesuatu tumbuhan atau bahagian suatu tumbuhan yang digunakan sebagai pembungkus atau bahan mempek ; atau¹*
- (d) *sesuatu sampah, alas muatan dan gerobok¹*

tetapi benda-benda dibawah perenggan (a), (b) dan (c) adalah tertakluk kepada pemeriksaan dan jika didapati berpenyakit atau diserangi perosak bolehlah dirawat atau dimusnahkan dan benda-benda di bawah yang dikecualikan di bawah perenggan (d) adalah tertakluk kepada pelupusan dengan suatu cara yang akan ditentukan oleh Pengarah.¹

(2) Pengimportan tumbuh-tumbuhan yang dikecualikan dibawah perenggan (a) dan (b) peraturan kecil (1) melalui udara dari kawasan tropika Amerika ke suatu kawasan komponen adalah tertakluk kepada keperluan sebagaimana dinyatakan dibawah peraturan 7 (ii) dan (iii).¹

(3) Peruntukan-peruntukan perenggan (a), (b) dan (c) perenggan kecil (1) tidak terpakai bagi benda-benda, termasuk kelapa (tak dikupas atau dikupas), kelapa sawit (tandan buah) dan tumbuh-tumbuhan yang disenaraikan dibawah peraturan kecil (5) dan (6) peraturan 5, jika benda-benda dan tumbuh-tumbuhan itu disyaki dengan munasabahnya berpenyakit atau diserangi dengan makhluk perosak berbahaya.¹

5. (1) Pengimportan ke sesuatu kawasan komponen sesuatu tumbuhan atau sesuatu kompos akar atau media tumbuhan atau sesuatu kompos akar atau media tumbuhan lain adalah dilarang kecuali dibawah sesuatu permit yang terkandung dalam Jadual Pertama, mengenai tumbuh-tumbuhan dan dalam Jadual Keenam mengenai kompos akar dan media tumbuhan lain¹ yang dikeluarkan oleh Pengarah mengikut Peraturan-peraturan ini dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Pengarah, secara mengedoskan permit.

(2) Tertakluk kepada larangan-larangan dan sekatan-sekatan yang yang terkandung dalam peraturan 6, tiap-tiap konsaimen tumbuh-tumbuhan yang diimport ke suatu kawasan komponen hendaklah disertai dengan perakuan phytosanitary seperti yang terkandung dalam Jadual Kedua dan di mana terpakai dengan perakuan phytosanitary untuk pengeksportan semula dari negara yang mengeksport semula seperti yang terkandung dalam Jadual Ketujuh¹ atau lain-lain dokumen yang ditandatangani oleh atau bagi pihak sesuatu pegawai berkuasa perkhidmatan perlindungan tumbuhan dalam negara berkenaan atau mengenai sesuatu komponen, Pengarah kawasan komponen dalam mana tumbuh-tumbuhan itu ditanam yang dikeluarkan kepada konsaimen tidak lebih daripada empat belas hari sebelum menghantar konsaimen dan perakuan itu hendaklah disertakan bersama dengan konsaimen itu.

Larangan
mengimpor
tumbuhan
dsb.
kecuali
di bawah
satu permit

(3) Sesuatu tumbuhan, organisma berfaedah, kompos akar atau media tumbuhan lain¹ hanya boleh diimport melalui sesuatu tempat pemeriksaan masuk yang ditetapkan sebagaimana dinyatakan pada permit masing-masing dalam peraturan 3 dan peraturan kecil (1) dan (4) peraturan 5.¹

(4) Pengimportan apa-apa organisma berfaedah ke sesuatu kawasan komponen adalah dilarang kecuali dibawah satu permit yang terkandung dalam Jadual Kelapan yang dikeluarkan oleh Pengarah menurut peraturan-peraturan ini dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Pengarah secara mengedoskan permit.¹

(5) Tumbuh-tumbuhan, yang dikecualikan dibawah peraturan 4(1) (a), (b) dan (c) dan diimport dari negara-negara dimana kumbang khapra ada terdapat seperti yang terkandung di dalam Jadual Kesembilan hendaklah dirawat oleh negara-negara pengeksport menurut kadar sukatan yang akan ditentukan oleh Pengarah dan konsaimen tumbuh-tumbuhan itu hendaklah disertakan dengan satu perakuan phytosanitary.¹

(6) Walau apa pun peraturan 4(1) (a), pengimportan lenggai koko, buah rambutan, pulasan, longan dan nam nam ke dalam suatu kawasan komponen yang lain, Filipina dan Indonesia adalah dilarang.¹

Sekatan atas
pengimportan
tumbuhan
Hevea

6. (1) Pengimportan ke sesuatu kawasan komponen sesuatu tumbuhan dari apa-apa jenis Hevea daripada mana-mana negara atau kawasan komponen yang lain adalah dilarang kecuali jika ;

- (i) pengimportan itu dibuat bagi maksud-maksud penyelidikan ;
- (ii) pengimportan itu adalah dikonsainkan kepada Pengarah ; dan
- (iii) sebelum pengimportan tersebut, pengimportan itu telah dirujukkan oleh Pengarah Institut Penyelidikan

Getah Malaysia yang boleh membuat apa-apa syor yang ia fikirkan patut, yang mana Pengarah itu tidak terikat.

(2) Pengimportan ke sesuatu kawasan komponen sesuatu tumbuhan dan apa-apa jenis Hevea yang boleh tumbuh atau selanjutnya membiak daripada kawasan tropika Amerika atau daripada mana-mana negara dimana Hawar Daun Amerika Selatan (Microcyclus ulei (P. Henn.) Arx.) didapati ada atau dipercayai ada adalah dilarang melainkan jika, sebagai tambahan kepada kehendak-kehendak perenggan (1), tumbuh-tumbuhan itu :

- (i) telah ditanam selama tempoh yang mencukupi di stesen kuarantin tumbuhan bagi Hevea yang telah diluluskan oleh Pengarah bagi maksud ini yang terletak diluar kawasan Asia Tenggara dan Kawasan Pasifik, Kawasan Tropika Amerika atau mana-mana kawasan lain atau negara dimana terdapat Hawar Daun Amerika Selatan (Microcyclus ulei (P. Henn.) Arx.) ;
- (ii) didapati bebas daripada mekhluuk perosak ; dan
- (iii) disertakan dengan suatu perakuan bagi maksud itu bahawa kehendak-kehendak perenggan-perenggan kecil (i) dan (ii) telah dipenuhi dan ditandatangani oleh pegawai penjaga stesen kuarantin tersebut.

(3) Pengimportan ke dalam sesuatu kawasan komponen apa bji benih dari apa-apa jenis Hevea daripada Kawasan Tropika Amerika atau daripada mana-mana negara di mana terdapat atau dipercayai terdapat Hawar Daun Amerika Selatan (Microcyclus ulei (P. Henn.) Arx.) adalah dilarang melainkan jika, sebagai tambahan kepada kehendak-kehendak perenggan (1), bji benih itu :

- (i) telah dipanikas dan dibungkus segah-jangkit disesuatu tempat yang diluluskan oleh Pengarah bagi maksud ini yang terletak diluar kawasan Asia Tenggara dan Kawasan Pasifik, kawasan Tropika Amerika atau mana-mana kawasan lain atau negara yang dimana tidak terdapat Hawar Daun Amerika Selatan (Microcyclus ulei (P. Henn.) Arx.) ;

- (ii) telah dipek semula dengan bahan-bahan mempek yang baru dalam bekas-bekas yang baru ; dan
- (iii) disertakan dengan suatu perakuan bagi maksud itu bahawa kehendak-kehendak perenggan-perenggan kecil (i) dan (ii) telah dipenuhi dan ditandatangani oleh pegawai penjaga tempat pemeriksaan dan pencegaha jangkitan tersebut.

(4) Pengimportan kedalam sesuatu kawasan komponen apa-apa tumbuhan dari apa-apa jenis Hevea yang tidak boleh tumbuh atau membiak (seperti contoh-contoh herbarium segar atau kering) adalah dilarang melainkan jika, ia mematuhi peruntukan-peruntukan perenggan (1) dan tumbuhan tersebut adalah dikehendaki bagi maksud-maksud penyelidikan atau apa-apa maksud lain yang diluluskan oleh Pengarah dan telah dibersihkan daripada sebarang organisma di negara asalnya mengikut suatu cara yang pada pertimbangan Pengarah adalah memuaskan.

Sekatan atas pengimportan tumbuh-tumbuhan amnya

7. Pengimportan tumbuh-tumbuhan, lain daripada tumbuh-tumbuhan yang termasuk dalam jenis-jenis Hevea, daripada Kawasan Tropika Amerika atau daripada mana-mana negara lain dimana terdapat Hawar Daun Amerika Selatan adalah juga dilarang kecuali :

- (i) pengimportan itu adalah dibuat bagi tujuan penyelidikan ;
- (ii) pengimportan itu adalah dikonsainkan kepada Pengarah ; dan
- (iii) tumbuh-tumbuhan itu adalah tertakluk untuk dikuarantikan atau dirawat disesuatu tempat yang diluluskan oleh Pengarah bagi maksud ini yang terletak diluar Kawasan Asia Tenggara dan Kawasan Pasifik, Kawasan Tropika Amerika atau mana-mana kawasan lain atau negara dimana terdapat atau dipercayai terdapat Hawar Daun Amerika Selatan, dan didapati bebas daripada makhluk perosak dan disertakan dengan suatu perakuan bagi maksud itu ditandatangani oleh pegawai penjaga tempat kuarantin atau rawatan tersebut.

8. Pengimportan ke dalam sesuatu kawasan komponen apa-apa tumbuhan Theobroma cacao L. (koko), Cocos nucifera (kelapa), Elaeis guineensis (kelapa sawit), atau mana-mana tumbuh-tumbuhan berjadual yang dikenali sebagai perumah "cocoa swollen shoot virus complex, lethal yellowing, kaincope, cadang-cadang" atau apa-apa lain virus atau penyakit yang serius dilarang melainkan jika ;

- (i) pengimportan itu adalah dibuat bagi maksud-maksud penyelidikan
- (ii) pengimportan itu adalah dikonsainkan kepada Pengarah ; dan
- (iii) tumbuh-tumbuhan tersebut adalah tertakluk untuk dikuarantikan atau dirawat disesuatu tempat yang diluluskan oleh Pengarah bagi maksud ini yang terletak diluar Kawasan Tropika Amerika, Kawasan Koko Afrika atau mana-mana kawasan lain dimana terdapat atau dipercayai terdapat virus atau lain-lain penyakit pokok koko, kelapa sawit dan kelapa, dan didapati bebas daripada makhluk perosak dan disertakan dengan suatu perakuan bagi maksud itu yang ditandatangani oleh pegawai penjaga tempat kuarantin tersebut.

9. (1) Pengimportan Makhluk Perosak Berbahaya yang dinyatakan dalam Jadual Keempat adalah dilarang.

(2) Sesuatu tumbuhan yang diimport kedalam sesuatu kawasan komponen yang didapati diserangi dengan mana-mana makhluk perosak berbahaya itu atau dengan mana-mana makhluk perosak lain atau penyakit yang pada pendapat Pengarah, adalah dari jenis tertentu yang berbahaya, dan lain-lain tanaman yang sama dengan tumbuhan itu hendaklah dimusnahkan dengan serta merta.

(3) Pengarah boleh mengarah semua pertubuhan atau angkatan awam, tentera, laut, udara, polis atau pertubuhan atau angkatan lain yang pada masa ini terdapat atau ditubuhkan dalam Malaysia untuk memberi bantuan sewajarnya bagi maksud menghalang kemasukan apa-apa makhluk perosak berbahaya atau tumbuh-tumbuhan berbahaya ke sesuatu kawasan komponen atau bagi maksud membasi atau mengawal makhluk perosak berbahaya atau tumbuhan berbahaya itu jika terdapat dalam suatu kawasan komponen.¹

Sekatan atas pengimportan Theobroma cacao L. dan sebagainya

Pengimportan pembasian dan pengawalan makhluk perosak

Pemeriksaan,
kuarantin,
rawatan atau
pemusnahan
tumbuh-
tumbuhan yang
diimport ke
dalam sesuatu
kawasan
komponen

10. (1) Sesuatu tumbuhan yang diimport kedalam sesuatu kawasan komponen boleh ditahan oleh pegawai pengimpor ditempat pemeriksaan masuk yang ditetapkan sehingga tumbuhan itu diletakkan dibawah jagaan Pengarah yang boleh melepaskannya, atau jika didapati atau disyaki berpenyakit, Pengarah boleh memusnahkan atau melupuskannya sebagaimana yang dia fikirkan patut.

(2) Tiap-tiap konsaimen tumbuh-tumbuhan yang diimport kedalam sesuatu kawasan komponen hendaklah diperiksa oleh pegawai pencimpor sama ada di tempat masuk atau dimana-mana tempat lain yang diluluskan oleh Pengarah.

(3) Pengarah boleh menetapkan cara kuarantin, rawatan atau pemusnahan, apa-apa konsaimen tumbuh-tumbuhan atau apa-apa bahagian daripada tumbuh-tumbuhan yang telah diimport ke dalam sesuatu kawasan komponen, yang didapati atau disyaki berpenyakit.

(4) Apa-apa kerugian atau kos yang dilakukan, termasuklah kos pengangkutan, bagi maksud pemeriksaan, kuarantin, rawatan atau pemusnahan sesuatu tumbuhan yang diimport ke dalam sesuatu kawasan komponen hendaklah ditanggung oleh pengimpor.

Dengan syarat bahawa Pengarah boleh, menurut budi-bicaranya, mengecualikan pengimpor itu daripada keseluruhan atau apa-apa bahagian daripada kos yang sepatutnya dikenakan.

10A. Artikel bukan tumbuhan dan pembawa yang disyaki dengan munasabahnya sebagai berpenyakit atau diserangi dengan makhluk perosak adalah tertakluk kepada pemeriksaan dan rawatan.¹

11. Sesuatu tumbuhan yang telah diimport kedalam sesuatu kawasan komponen secara melanggar Peraturan-peraturan ini hendaklah ditahan oleh pegawai pengimpor dan boleh dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Pengarah.

12. (1) Tumbuh-tumbuhan atau makhluk perosak dalam transit terus atau transit tak terus tidak boleh dipindahkan daripada pengangkutan dalam mana ianya telah dibawa ke dalam sesuatu kawasan komponen tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Pengarah yang boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut.

Tumbuh-tumbuhan dalam transit tidak boleh dipindahkan daripada pengangkutan tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Pengarah

(2) Peruntukan-peruntukan peraturan 5 hendaklah dipakai bagi tumbuh-tumbuhan dalam transit terus atau transit tak terus.

Kuasa-kuasa Merinyu Kuarantin Tumbuhan¹

13. (1) Seseorang pegawai pengimport boleh mensita mana-mana makhluk perosak yang diimport atau disimpan yang berlawan dengan peraturan-peraturan ini.

(2) Apabila seseorang merinyu kuarantin tumbuhan merasakan bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang membawa atau memiliki atau mana-mana barang kepunyaan sendiri atau pembawa mengandungi atau membawa apa-apa tumbuhan, tanah, makhluk perosak, organisma berfaedah, kompos akar atau media tumbuhan atau apa-apa barang bukan tumbuhan yang melanggar peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini, adalah sah disisi undang-undang bagi merinyu kuarantin tumbuhan itu untuk menahan, memeriksa dan menggeledah orang itu dan untuk menyita barang kepunyaan sendiri atau pembawa itu dan mengambil tindakan yang sewajamya sebagaimana diperuntukkan oleh Peraturan-peraturan ini.¹

(3) Sesorang merinyu kuarantin tumbuhan adalah diberikuasa untuk menaiki mana-mana vessel, kenderaan atau pesawat udara yang tiba dari mana-mana negara asing atau dari kawasan komponen lain untuk memeriksa, merawat atau memusnahkan organisma berfaedah, bekas, media tumbuhan, barang bukan tumbuhan termasuk sampah dan alas muatan, makhluk perosak, tumbuh-tumbuhan, kompos akar dan tanah yang mungkin berpenyakit atau dijangkiti dengan makhluk perosak.¹

14. (1) Seseorang yang :

- (a) dengan sengaja menentang, menyekat, menghalang, atau merintang seseorang pegawai pengimport dari menjalankan kuasa-kuasanya atau perlaksanaan kewajipan-kewajipannya dibawah peraturan-peraturan ini ;
- (b) dengan niat jahat membawa masuk sesuatu makhluk perosak atau sesuatu tumbuhan ke dalam sesuatu kawasan komponen dari kawasan komponen yang satu lagi atau negara asing ;¹
- (c) gagal atau enggan, tanpa sebab yang munasabah, memberi maklumat kepada pegawai pengimport apabila dikehendaki membuat demikian atau dengan mengetahui memberi maklumat palsu atau meklumat tidak lengkap ;
- (d) bagi maksud mendapatkan, sama ada bagi dirinya sendiri atau bagi mana-mana orang lain, suatu permit, perakuan phytosanitary atau lain-lain dokumen, membuat suatu perisyiharan atau pernyataan yang ia ketahui adalah palsu, atau tidak mengetahui atau tidak mempercayai adalah betul atau dengan mengetahui menggunakan apa-apa pengisyiharan atau pernyataan itu ;
- (e) melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-peraturan ini ; atau
- (f) tidak mematuhi apa-apa sekatan atau syarat-syarat yang dikenakan oleh Pengarah ke atas mana-mana permit yang dikeluarkan di bawah Peraturan-peraturan ini,
- (g) gagal atau enggan untuk memenuhi Borang Perakuan Kuarantine Tumbuhan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kesepuluh atau memberi maklumat palsu di dalamnya,¹

adalah bersalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Apabila disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah perenggan (a), (b), (d), (e), (f) atau (g) peraturan kecil (1) peraturan 14 pesalah itu boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.¹

(3) Apabila disabitkan dengan mana-mana kesalahan di bawah perenggan (b) peraturan kecil perenggan 14, pesalah itu boleh dikenakan penalty sebagaimana dinyatakan di bawah seksyen 19A Akta Kuarantin Tumbuhan 1976.¹

15. (1) Fee sebanyak lima belas³ ringgit akan dikenakan untuk mengeluarkan suatu permit import berkenaan dengan sesuatu konsaimen adalah sah bagi tempoh tiga bulan daripada tarikh ia dikeluarkan.

(1a) Suatu permit import yang telah tamat tempoh boleh dilanjutkan hanya sekali bagi tempoh selanjutnya yang tidak melebihi satu bulan daripada tarikh tamatnya apabila dibayar fee sebanyak lima ringgit.³

(2) Fee mengikut kadar-kadar yang berikut boleh dikenakan untuk pemeriksaan, membasmikan makhluk perosak, merawat tumbuh-tumbuhan atau keluaran tumbuhan oleh Pegawai Pemeriksa atau Merinyu Kuarantin Tumbuhan :

- (i) (a) bagi setengah jam pertama masa bekerja seseorang atau sebahagian daripadanya RM 10.00
- (b) bagi setengah jam kedua masa bekerja seseorang atau sebahagian daripadanya RM 10.00
- (c) bagi tiap-tiap satu jam tambahan masa bekerja seseorang atau sebahagian daripadanya RM 20.00³

- (ii) Jika seseorang Pegawai Pemeriksa memeriksa atau menyeliakan pembasmian perosak sesuatu konsaimen dimana-mana tempat selain daripada di premis pejabatnya atau memeriksa atau menyeliakan pembasmian perosak pada tanaman hidup di ladang, masa yang diambil untuk menjalankan pemeriksaan atau penyeliaan itu hendaklah termasuk masa yang diambil bagi perjalananannya ke dan dari tempat itu.

Fee yang boleh
dikenakan
untuk
mengeluarkan
permit import
dan untuk
memeriksa dsb.
tumbuh-
tumbuhan atau
keluaran
tumbuhan

(iii) Jika cegahjangkit atau rawatan adalah dijalankan oleh Pegawai Pemeriksa atau merinyu kuarantin tumbuhan, yang mana berkenaan, maka kos bahan kimia dan bahan-bahan lain yang dilakukan dalam menjalankan cegahjangkit atau rawatan itu hendaklah ditanggung oleh konsigni menurut kadar yang akan ditentukan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.¹

(iv) Elaun kerja lebihmasa bagi seseorang Pegawai Pemeriksa atau Merinyu Kuarantin Tumbuhan yang menjalankan pemeriksaan atas apa-apa konsainan atau premis sebagaimana dikehendaki oleh sama ada konsinor atau konsaini hendaklah ditanggung oleh konsinor atau konsaini, mengikut mana-mana yang berkenaan.³

- Pada kadar empat ringgit satu jam melebihi waktu pejabat biasa ; dan
- pada kadar lapan ringgit satu jam pada hari Kelepasan mingguan atau kelepasan awam.³

(3) Perbelanjaan perjalanan melalui udara, rel atau / dan jalan, yang mana terpakai, hendaklah dikenakan berkenaan dengan apa-apa perjalanan yang dilakukan bagi maksud menjalankan apa-apa pemeriksaan atau penyeliaan dengan syarat bahawa jika perjalanan itu keseluruhannya atau sebahagiannya melalui jalan, perbelanjaan perjalanan yang dikenakan adalah pada kadar 50 sen bagi setiap kilometer atau sebahagian daripadanya.¹

(4) Jika seseorang Pegawai Pemeriksa, atas permohonan mana-mana orang, atau sebagai satu keperluan di bawah syarat import yang dinyatakan dalam Permit Import berada di sesuatu tempat lain dari tempat ia bertugas dalam Malaysia atau di Luar Malaysia¹ untuk menjalankan apa-apa pemeriksaan, perbelanjaan sara hidup dan perbelanjaan penginapan mengikut kadar semasa Kerajaan hendaklah dibayar balik oleh orang itu kepada Pengarah.

(5) Seseorang Pegawai Pemeriksa boleh, menurut budi bicaranya, memeriksa sumber tumbuhan atau keluaran tumbuhan sebagai tambahan untuk melakukan pemeriksaan sesuatu konsaimen tertentu, dan konsignor hendaklah membayar fee yang

ditetapkan dalam perenggan (2) berkenaan dengan pemeriksaan itu.

16. Fee pada kadar-kadar yang berikut hendaklah dikenakan bagi menyimpan tumbuh-tumbuhan *di bawah kuarantin selepas masuk atau*¹ yang tidak dikeluarkan dengan serta -merta oleh seseorang pengimport;

- | | | | |
|-------|--|-----------------|----------|
| (i) | bagi tiap-tiap tumbuhan, satu hari bagi minggu pertama menyimpan atau kuarantin selepas masuk | | RM 2.00 |
| (ii) | bagi tiap-tiap tumbuhan, satu hari bagi minggu kedua menyimpan atau kuarantin selepas masuk | | RM 3.00 |
| (iii) | bagi tiap-tiap tumbuhan, satu hari bagi minggu ketiga menyimpan atau kuarantin selepas masuk | | RM 4.00 |
| (iv) | bagi tiap-tiap tumbuhan, satu hari bagi minggu keempat menyimpan atau kuarantin selepas masuk | | RM 5.00 |
| (v) | bagi tiap-tiap tumbuhan, yang ditanam di tempat kuarantin selepas masuk bagi tempoh musim tumbuhan penuh atau sebahagian pemerhatian | | RM 10.00 |
| (vi) | walau apa pun peruntukan perenggan-perenggan (i), (ii), (iii), (iv), dan (v) Pengarah boleh menurut budibicaranya melevi sejumlah wang sebagai ganti fee yang kena dibayar dibawah perenggan-perenggan tersebut. | | |

Fee yang
boleh
dikenakan
untuk
menyimpan
tumbuh-
tumbuhan

17. Semua orang yang memasuki suatu kawasan komponen adalah dikehendaki memenuhi Borang Perakuan Kuarantin Tumbuhan sebagaimana dinyatakan dibawah Jadual Kesepuluh dan hendaklah menyerahkan Borang itu *di tempat pemeriksaan masuk yang ditetapkan.*¹

Perakuan
Kuarantin
Tumbuhan¹

Nakhoda atau ejen vessel yang tiba, juruterbang atau ejen pesawat udara atau kenderaan yang tiba, menyerahkan daftar muatan masuk sebenar Akta 235¹

Akta 235

18. (1) Nakhoda atau ejen setiap vessel yang memasuki kawasan komponen di Pelabuhan yang ditetapkan sebagaimana yang disenaraikan dibawah Jadual Kelima hendaklah, dalam masa dua puluh empat jam setelah tiba dan sebelum sesuatu kargo itu dipunggah, menyerahkan kepada seorang merinyu kuarantin tumbuhan satu salinan daftar muatan masuk sebenar vessel itu dengan butir-butir sebagaimana dikehendaki dibawah seksyen 52 (1) Akta Kastam 1967.¹

(2) Juruterbang atau ejen setiap pesawat udara yang memasuki kawasan komponen dilapangan terbang yang ditetapkan, sebagaimana yang disenaraikan dibawah Jadual Kelima hendaklah, sebelum sesuatu kargo itu diserahkan, menyerahkan kepada seorang merinyu kuarantin tumbuhan satu salinan daftar muatan masuk sebenar pesawat udara itu dengan butir-butir sebagaimana dikehendaki di bawah seksyen 56 Akta Kastam 1967.¹

19. (1) Seseorang Pegawai Pemeriksa boleh mengeluarkan perakuan phytosanitary sebagaimana yang di nyatakan dalam Jadual Kedua bagi tumbuh-tumbuhan atau keluaran tumbuhan dan artikel bukan tumbuhan yang dieksport dari atau bergerak diantara kawasan komponen berdasarkan kepada pemeriksaan dan rawatan yang dijalankan diatas permintaan pengeksport bagi memenuhi keperluan-keperluan peraturan-peraturan phytosanitary di kawasan komponen atau negara yang mengimport.¹

(2) Seseorang Pegawai Pemeriksa boleh mengeluarkan perakuan phytosanitary sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Ketujuh untuk mengeksport semula tumbuh-tumbuhan atau keluaran tumbuhan yang ditanam atau dihasilkan dalam negara ketiga atau suatu kawasan komponen untuk memenuhi keperluan-keperluan peraturan-peraturan phytosanitary di kawasan komponen atau negara yang mengimport.¹

Perakuan
phytosanitary
untuk
mengeksport
tumbuh-
tumbuhan

(1) Seseorang Pegawai Pemeriksa boleh mengeluarkan perakuan phytosanitary sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi tumbuh-tumbuhan atau keluaran tumbuhan dan artikel bukan tumbuhan yang dieksport dari atau bergerak di antara kawasan komponen berdasarkan kepada pemeriksaan dan rawatan yang dijalankan di atas permintaan pengeksport bagi memenuhi

keperluan-keperluan peraturan-peraturan phytosanitary di kawasan komponen atau negara yang mengimport.¹

(2) Seseorang Pegawai Pemeriksa boleh mengeluarkan perakuan phytosanitary sebagaimana dinyaatakan dalam Jadual Ketujuh untuk mengeksport semula tumbuh-tumbuhan atau keluaran tumbuhan yang ditanam atau dihasilkan dalam negara ketiga atau suatu kawasan komponen di atas permintaan pengeksport-pengeksport untuk memenuhi keperluan-keperluan peraturan-peraturan phytosanitary di kawasan komponen atau negara yang mengimport.

(3) Semua perbelanjaan yang dilakukan dalam menjalankan pemeriksaan dan rawatan bagi tumbuh-tumbuhan, keluaran tumbuhan atau artikel bukan tumbuhan itu hendaklah ditanggung oleh pengeksport menurut kadar-kadar yang dinyatakan di bawah peraturan 15 (2) hingga (5) Peraturan-Peraturan ini.¹